

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JMS 411 – Teori, Kaedah dan Falsafah Sejarah**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Para sejarawan memberikan pelbagai definisi yang berbeza tentang pengertian sejarah. Bincangkan pengertian sejarah dari sudut sejarah merupakan catatan dan sejarah sebagai pengetahuan masa lalu.

(100 markah)

2. Jelaskan kenapa sejarah dikatakan sebagai sains?

(100 markah)

3. Pilih

- (a) Siapakah sejarawan? Bincangkan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seseorang sejarawan.

(100 markah)

**ATAU**

- (b) Bandingkan ciri-ciri sejarawan zaman lampau dengan sejarawan zaman moden.

(100 markah)

4. “Sejarah memang sangat berkait rapat dengan manusia dan segala kegiatan kehidupannya pada suatu jangka waktu yang tertentu. Ertinya sejarah memang mempunyai fungsi dan peranan yang penting dalam perkembangan dan kegiatan manusia dan negara.”

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kepentingan sejarah kepada manusia **ATAU** kepada negara.

(100 markah)

5. Pilih

- (a) Bincangkan apakah falsafah sejarah itu sebahagian daripada ilmu sejarah ataupun ia adalah ilmu sejarah itu sendiri?

**ATAU**

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan falsafah sejarah dan apakah yang dikaji atau diselidik dalam ilmu ini?

(100 markah)

6. Bincangkan sebab-sebab manusia begitu tertarik kepada 'masa lampau'.

(100 markah)